❤PENANG

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

16 - 31 JANUARI, 2023

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Sumbangan tahunan SAR
## sedia ekosistem demi kecemerlangan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BAYAN LEPAS -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyampaikan insentif Bantuan Sekolah Agama Rakyat (SAR) berjumlah RM3,170,138 kepada institusi pendidikan Islam di negeri ini.

Peruntukan tersebut memberi manfaat kepada 18 Sekolah Menengah Agama Rakyat; Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (11); Sekolah Rendah Agama Rakyat (16); Maahad Tahfiz (49); Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Integrasi (104); Tadika Islam (17); sekolah pondok (14) dan KAFA Tulen (104).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pemberian insentif tersebut adalah bagi membantu pihak sekolah menyediakan ekosistem yang lebih baik sekali gus memangkin lebih banyak kecemerlangan pada masa akan datang.

"Walaupun bidang pendidikan adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan, namun Kerajaan Negeri masih melaksanakan apa yang terdaya dan sentiasa bersedia menjalinkan kerjasama baik dalam memastikan aspek penting ini sentiasa diberikan keutamaan.

"Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha memberi yang terbaik tanpa meminggirkan mana-mana golongan atau kelompok kerana kita semua perlu memainkan peranan masing-masing dalam menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negeri.

"Justeru, komitmen dan langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memartabatkan bidang pendidikan termasuk institusi pendidikan Islam adalah sangat bertepatan, selaras dengan Visi Penang2030 untuk membina masa depan Pulau Pinang yang lebih baik," katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan SAR dan Sumbangan Para Huffaz Kali Ke-15 di sini pada 23 Disember 2022.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan penerima seusai Majlis Penyampaian Bantuan SAR dan Sumbangan Para Huffaz Kali Ke-15 di sini baru-baru ini.

Kon Yeow berkata, pada tahun 2023, sebanyak RM3,500,138 telah diperuntukkan untuk tujuan yang sama.

"Kerajaan Negeri berharap proses penyampaian bantuan ini dapat dipercepatkan," ujarnya.

Pada masa sama, beliau memberitahu bahawa pada tahun 2022 juga Kerajaan Negeri turut menyalurkan sumbangan berjumlah RM302,500 kepada 605 *huffaz* di Pulau Pinang yang mana masing-masing akan menerima RM500.

"Semoga dengan sedikit insentif ini akan dapat membangkitkan semangat para *huffaz* untuk mengekalkan kepakaran serta kecemerlangan yang cukup baik ini.

"Malah, saya juga dimaklumkan bahawa pihak Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) sedang melaksanakan program Iltizam Huffaz iaitu kelas persediaan khas untuk pelajar tahfiz bagi menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Oleh itu, Kerajaan Negeri mencadangkan agar *huffaz* dapat meneroka potensi ini yang dijalankan secara percuma oleh YIPP dengan bantuan Zakat Pulau Pinang (ZPP) sebagai salah satu nilai tambah positif untuk kemajuan diri dan institusi pendidikan Islam secara keseluruhannya," serunya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dalam ucapan sebelum itu menyatakan bahawa bantuan yang disalurkan kepada SAR dan para *huffaz* sejak tahun 2009 adalah sebagai pengiktirafan dan sokongan Kerajaan Negeri untuk kemajuan pendidikan Islam di negeri ini.

"Ini sekali gus menepis tohmahan serta pendapat yang mengatakan bahawa Kerajaan Negeri mengabaikan institusi pendidikan agama Islam dan kebajikan para *huffaz* di negeri ini.

"Sebaliknya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus komited untuk membantu sekolah agama dan para *huffaz* melalui program-program baharu diperkenalkan dalam Gagasan Khaira Ummah selaras dengan visi mempersiapkan umat Islam terbaik untuk Pulau Pinang menjelang tahun 2030," ulasnya.

# Kejayaan golongan muda diiktiraf

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan RM500,000 di bawah Skim Insentif Bakat Muda Pulau Pinang (SIKBMPP) BEST! sebagai dorongan bagi mengiktiraf kejayaan golongan muda di negeri ini.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, pengenalan skim tersebut menjadi bukti bahawa Kerajaan Negeri begitu komited dalam memastikan anak muda negeri ini diberi penghargaan sewajarnya.

"Sebanyak 54 permohonan diterima oleh Kerajaan Negeri dan 36 daripadanya diluluskan bagi kumpulan pertama sebagai penerima skim insentif ini.

"Insentif ini mampu menjadi penggalak kepada muda-mudi di Pulau Pinang untuk mencapai kejayaan menerusi bidang yang mereka ceburi.

"Justeru, adalah diharapkan insentif ini akan dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang bagi menghargai bakat-bakat muda di negeri ini," ujarnya pada Majlis Penyampaian SIKBMPP di sini 22 Disember 2022.




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama penerima insentif sempena Majlis Penyampaian SIKBMPP dekat sini baru-baru ini.**

Turut hadir, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), Dr. Gwee Sai Ling.

Difahamkan, antara pencapaian yang mendapat pengiktiran SIKBMPP termasuk dalam bidang sukan, akademik, pidato, debat dan pelbagai lagi.

## Projek Wakaf Mutiaraku sasar pembangunan ekonomi kebajikan komuniti

**PULAU BETONG –** Wakaf Pulau Pinang (WPP) bakal melaksanakan Projek Pembangunan Fasa 2 dikenali Perumahan Wakaf Mutiaraku di Lot 247 Jalan Sungai Nipah dekat sini.

Projek berkaitan bakal membabitkan pembinaan pangsapuri jenis rumah mampu milik sebanyak 1,088 unit, komersial (74 lot) dan kemudahan-kemudahan lain.

Ketua Pegawai Eksekutif WPP, Rosidi Hussain berkata bahawa kos pembangunan kasar bagi projek tersebut adalah berjumlah RM426 juta hasil kerjasama pintar WPP dengan syarikat Rekabina Jaya Sdn. Bhd. dalam pembangunan ekonomi serta kebajikan komuniti secara menyeluruh.

"Konsep pembangunan yang dinamakan Perumahan Wakaf Mutiaraku ini diharap menjadi pemangkin pembangunan perumahan yang sedia ada dalam perancangan.

"Saya berharap dengan pembangunan wakaf ini, ia mampu merancakkan bentuk keperluan dari segi perumahan dan komersial khususnya kepada umat Islam di negeri ini.

"Elemen penting dalam projek ini adalah kesejahteraan ekonomi, kelestarian pembangunan, ummah harmoni, pemerkasaan komuniti, hab pendidikan serta akses prasarana bertemakan kualiti gaya hidup keriangan," ujarnya dalam sidang media pada Majlis Peletakan Batu Asas Pembangunan Wakaf Al-Mashoor Al-Islami (Fasa 2) Balik Pulau secara usaha sama antara Rekabina Jaya Sdn. Bhd. dan WPP di sini pada 20 Disember 2022.




**TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak (tengah), Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (empat dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan merakam gambar kenangan bersempena Majlis Peletakan Batu Asas Pembangunan Wakaf Al-Mashoor Al-Islami (Fasa 2) Balik Pulau secara usaha sama antara Rekabina Jaya Sdn. Bhd. dan WPP di sini baru-baru ini.**

Gimik peletakan batu asas tersebut disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak. Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar dan Pengerusi Rekabina Jaya Sdn. Bhd., Tan Sri Izzuddin Dali.

Mengulas lanjut, Rosidi memaklumkan bahawa projek tersebut juga memberi pulangan jangka panjang kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Sekolah



**ROSIDI Hussain.**

Agama Al-Mashoor Al-Islami menerusi pembinaan dewan konvensyen mini, astaka, kompleks sukan serta rekreasi, naik taraf padang sintetik, naik taraf surau dan pelbagai kemudahan lain.

"Pembangunan ini diharap akan memberi pulangan hasil yang besar terhadap kemajuan negara amnya dan ekonomi umat Islam secara khusus menerusi penyediaan infrastruktur perumahan yang lebih terancang dan kondusif kepada golongan B40 dan M40 di Pulau Pinang.

"Sekarang status projek adalah sedang menunggu kelulusan kebenaran merancang daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), paling awal projek dijangka dapat dijalankan pada Julai 2023 dengan anggaran masa selama 36 bulan untuk disiapkan," ulasnya lanjut.

# Projek kereta kabel Bukit Bendera jangka siap dalam tiga tahun

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN –** Syarikat perintis industri rel tempatan, Hartasuma Sdn. Bhd. berjaya membida projek kereta kabel Bukit Bendera dengan anggaran pelaburan berjumlah kira-kira RM245 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Pengerusi Perbadanan Bukit Bendera (PHC) berkata bahawa jawatankuasa penilai yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan telah menilai Permohonan untuk Cadangan (RFP) mengikut keperluan ditetapkan.

"Hartasuma Sdn. Bhd. telah disyorkan oleh jawatankuasa penilaian dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan Tender Negeri Pulau Pinang.

"Berikutan pembidaan terbuka, anggaran pelaburan oleh pembida yang berjaya adalah kira-kira RM245 juta dan projek itu berdasarkan tempoh konsesi selama 30 tahun," katanya pada sidang media di sini pada 14 Disember 2022.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Ahli-ahli Exco; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Syerleena Abdul Rashid; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Pengarah Urusan PHC, Dato' Cheok Lay Leng; Ahli Lembaga PHC, Wong Hon Wai dan Pengarah Eksekutif Hartasuma, Tan Sri M. Ravindran.

Panggilan RFP untuk mendapatkan cadangan terbaik bagi perkhidmatan kereta kabel Bukit Bendera bermula pada 13 Januari 2021 dan dilanjutkan hingga 30 November 2022 berikutan pandemik COVID-19.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa projek itu dianugerahkan melalui Kerjasama Awam Swasta (KAS) mengenai reka bentuk, kewangan, kendali dan pindah atau sub-set asas *joint venture partnership*.

"Pembida yang berjaya, Hartasuma adalah perintis dalam industri rel tempatan dan mempunyai pengalaman hampir 30 tahun dalam keseluruhan rangkaian pelaksanaan projek daripada pengurusan projek dan logistik, rantaian bekalan antarabangsa, protokol ujian dan pentauliahan serta pembiayaan projek.

"Syarikat itu telah berjaya membekalkan lebih 400 kereta rel untuk beberapa projek pengangkutan awam terbesar di Kuala Lumpur iaitu Laluan Kelana Jaya dan membawa bersama pasukan pengurusan yang mempunyai pengalaman dalam laluan Transit Aliran Massa (MRT) serta Kereta Kabel Langkawi yang sangat berjaya," katanya.

Kon Yeow menambah, syarikat tersebut telah dianugerahkan projek kereta kabel Bukit Bendera berdasarkan kapasiti kewangan, sistem kereta kabel yang dicadangkan, keupayaan teknikal, pembinaan dan operasi, langkah perlindungan alam sekitar serta cadangan semasa pembidaan.

Menurut beliau lagi, jajaran dan kesesuaian lokasi projek kereta kabel telah diambil kira oleh jawatankuasa penilaian dengan tapak jajaran laluan yang paling sesuai ialah berhampiran Taman Botani Pulau Pinang.

"Jawatankuasa Penilaian telah mengambil kira jajaran serta kesesuaian lokasi dan projek ini dijangka mengambil masa tiga tahun untuk siap sepenuhnya dan mula beroperasi," jelasnya.





**ILUSTRASI** artis kereta kabel Bukit Bendera yang bakal dibangunkan.

Kon Yeow berkata, dengan adanya kereta kabel tersebut, Bukit Bendera akan memperoleh satu lagi tarikan pelancongan ikonik sebagai tambahan kepada kereta api furnikular sedia ada yang telah memberi perkhidmatan kepada penduduk serta pengunjung sejak 100 tahun.

"Berdasarkan kedatangan pengunjung tahunan melebihi 1.3 hingga 1.8 juta, kami berharap kereta kabel Bukit Bendera akan memainkan peranan praktikal dalam mengimbangi jumlah pengunjung.

"Kami berharap mod pengangkutan lebih laju ini akan meningkatkan lagi pengalaman pelancongan serta menyumbangkan kepada sosioekonomi kawasan sekitar yang akan menawarkan kira-kira 500 peluang pekerjaan.

"Selain itu, kami juga berharap untuk melihat pertumbuhan dalam sektor pelancongan secara menyeluruh sebaik kereta kabel itu beroperasi," ulasnya.

Sementara itu, Ravindran memberitahu bahawa projek kereta kabel Bukit Bendera hanya akan dilaksanakan selepas syarikat tersebut memperoleh kelulusan daripada kementerian berkaitan.

Tambah beliau, projek tersebut dijangka akan mengambil tempoh masa antara 18 hingga 20 bulan sebelum dibuka kepada pengunjung.

Terdahulu, Kerajaan Negeri memutuskan untuk meneruskan projek kereta kabel Bukit Bendera walaupun Kerajaan Pusat membatalkan peruntukan RM100 juta untuk membangunkan projek tersebut pada April 2020.



**KETUA Menteri bersama-sama Cheok Lay Leng (kiri sekali) dan M. Ravindran (kanan sekali) pada sidang media di sini baru-baru ini.**

# Lukisan mural ikon Pulau Pinang tarikan terbaharu

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BATU UBAN -** Tujuh lukisan mural yang memaparkan mercu tanda terkenal, ikon dan bekas atlet kelahiran negeri Pulau Pinang, kini menjadi tarikan terbaharu di sepanjang Jalan Sultan Azlan Shah dekat sini.

Berukuran 10 x 11 kaki dan 100 meter panjang, lukisan mural hasil inisiatif Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) berkaitan disempurnakan dalam tempoh masa sebulan sejak *'Black Canvas: Mural Arts Series'* bermula pada Ogos 2022.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika hadir melihat sendiri hasil projek berkaitan memuji PYDC serta pasukan dari Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban; Seksyen Keusahawanan Belia Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang (PCCC YES); *IPK College Penang* (IPK) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang turut berganding bahu menyempurnakan projek berkaitan di sini.

"Saya berharap inisiatif sebegini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan bagi merancakkan lagi pelancongan negeri.

"Usaha sama ini adalah kerjasama berpasukan yang baik antara PYDC dan mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam merealisasikan projek ini," ujarnya pada acara pelancaran yang diadakan di *Sunny Point Complex* baru-baru ini.

Sementara itu, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang turut hadir pada acara berkaitan gembira melihat lukisan mural yang dihasilkan oleh PYDC serta ahli pasukan lain.

"Sejak inisiatif ini dimulakan, enam projek telah dilaksanakan di negeri ini iaitu di Taman Riang; Taman Dahlia; Penanti; Batu Uban; Padang Kota dan di *The Salvation Army Children's Home*.

"Lukisan mural ini masing-masing mempunyai identiti dan mesejnya yang tersendiri dalam mempromosikan bukan sahaja sejarah Pulau Pinang malah negeri Pulau Pinang itu sendiri," jelasnya.

ADUN Batu Uban, A. Kumaresan ketika ditemui pada acara tersebut berkata bahawa lukisan mural terbaharu itu bakal menjadi daya penarik bukan sahaja mereka yang menggemari seni mural tetapi juga pengunjung yang mahu merakam gambar.

"Inisiatif ini menunjukkan bahawa kita (Kerajaan Negeri) mempunyai prestasi yang baik dalam mempromosikan Pulau Pinang melalui pelbagai kaedah termasuklah seni," katanya.

Pengurus Besar PYDC, Dr. Gwee Sai Ling; Penolong Pengurus Besar PYDC, Ng Hooi Ting; Timbalan Presiden PCCC, Datuk Tan Hiang Joo antara beberapa tetamu yang hadir pada acara tersebut.

Difahamkan, projek berkenaan menelan belanja RM22,000 dan ditaja oleh Pusat Khidmat ADUN Batu Uban, PYDC dan PCCC YES manakala artis utama bagi projek ini ialah Azmi Hussin yang dibantu oleh lebih 30 sukarelawan dari IPK.

Selain ikon badminton negara, Datuk Wira Lee Chong Wei dan ikon skuasy negara, Datuk Nicol Ann David, turut dipaparkan pada lukisan mural tersebut ialah penyanyi kumpulan Alleycats kelahiran Pulau Pinang, Datuk David Arumugam; seniman agung negara, Tan Sri P. Ramlee; masjid tertua berusia 300 tahun, Masjid Jamek Batu Uban; Jambatan Pulau Pinang; Tapak Pesta Pulau Pinang dan bangunan Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang (PCCC) yang terletak di bandar raya George Town.




KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan merakam gambar kenangan dengan berlatarbelakangkan lukisan mural di sepanjang Jalan Sultan Azlan Shah dekat sini.



MURAL Tan Sri P. Ramlee.

## Naik taraf pembentung Jalan Teluk Ipil siap, harap kurang risiko banjir

**JAWI –** Kerajaan Negeri berharap projek menaik taraf pembentung di Jalan Teluk Ipil dapat mengurangkan risiko banjir yang selama ini dihadapi oleh penduduk terutama sekitar kawasan Taman Nibong Tebal di sini.

Mengulas lanjut, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku pelaksana projek tersebut berjaya menjimatkan RM356,000 berbanding kos asal projek tersebut yang bernilai hampir RM1.18 juta.

"Pihak JKR dan kontraktor yang dilantik menyiapkan projek pembaikan pembentung dan longkang monsun bertujuan untuk melancarkan aliran air serta mengatasi masalah banjir di Taman Nibong Tebal Daerah SPS (Seberang Perai Selatan) serta kawasan sekitarnya.

"Antara skop kerja utama yang terlibat termasuk menaik taraf longkang dari kelebaran asal tiga (3) meter (m) kepada kelebaran 5m; perobohan pembentung asal; penanaman cerucuk, pembinaan struktur *abutment* dan *concrete slab*; pengalihan utiliti serta kerja-kerja turapan jalan baru, pemasangan *railing* dan perabot jalan.

"Pembinaan longkang monsun dengan kelebaran 5m adalah bagi melancarkan airan air dari Taman Nibong Tebal dan kawasan sekitar ke ruman pam di samping mengatasi masalah banjir kilat bagi menjamin keselamatan penduduk sekitar," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga selepas majlis perasmian penyiapan projek berkaitan di sini 10 Disember lalu.

Turut serta, ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye; Ahli Parlimen Nibong Tebal merangkap Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Pengarah JKR Pulau Pinang, Ir. Ahmad Nadzri Abdul Majid dan Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Ir. Mohamad Rodzi Hasan.

Buletin Mutiara difahamkan, projek menaik taraf pembentung tersebut mula dilaksanakan pada 3 Ogos 2021, dengan mengambil masa kira-kira 15 bulan dan siap sepenuhnya pada 11 November 2022.



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kanan), Fadhlina Sidek (berbaju kurung biru), Jason H'ng Mooi Lye (tiga dari kiri) dan Ir. Ahmad Nadzri Abdul Majid (kanan sekali) pada majlis perasmian penyiapan projek menaik taraf pembentung dekat Jalan Teluk Ipil di sini baru-baru ini.


BARISAN peserta bersiap sedia di garisan permulaan.

# PBIM 2022 tarik 26,000 penyertaan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**PANTAI JEREJAK -** Setelah dua tahun ‘menyepi ‘akibat pandemik COVID-19, *Penang Bridge International Marathon (PBIM) 2022* kembali secara fizikal dengan penyertaan dalam acara larian berprestij tersebut mencecah hampir 26,000 peserta.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata bahawa penyertaan daripada 60 negara di seluruh dunia cukup memberangsangkan terutama dari Kanada, Afrika dan Amerika Syarikat.

"Terdapat tiga kategori iaitu acara maraton penuh sejauh 42 kilometer (km) serta acara separuh maraton (21km) dan 10km.

"Kejayaan PBIM 2022 menarik 26,000 peserta merupakan satu respons yang sangat baik yang didorong oleh pemulihan sektor ekonomi dan kawalan pandemik sekali gus merancakkan semula pelancongan negeri.

“(Dan) bagi pihak Kerajaan Negeri, kita akan terus berusaha meningkatkan taraf penganjuran PBIM pada masa hadapan agar ia kekal menjadi acara unggul pada peringkat antarabangsa," ujarnya seusai majlis penyampaian hadiah dekat sini pada 19 Disember 2022.

Terdahulu, Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow hadir menyempurnakan pelepasan peserta bagi acara utama maraton penuh.



KETUA Menteri menyampaikan hadiah kepada sebahagian pemenang PBIM 2022.


**PESERTA yang memenangi hadiah cabuah bertuah utama.**

Hadir sama, Presiden Persatuan Olahraga Amatur Pulau Pinang (PAAA), Datuk Syed Mohamad Aidid Syed Murtaza.

Sementara itu, Kon Yeow menyatakan rasa teruja apabila acara bertaraf antarabangsa itu kembali mengambil tempatnya.

"PBIM 2022 membawa tema '*The Great Comeback*' yang mana Kerajaan Negeri sendiri telah meletakkan tekad untuk menjayakan penganjurannya kali ini.

“Malah sebelum PBIM lagi, pasukan YB (Soon Hin) banyak melakukan persiapan baik dari segi polisi mahupun garis panduan bagi menaikkan semula sektor pelancongan di samping mengkaji impak pandemik dalam komuniti.

“Kita (Kerajaan Negeri) meneruskan usaha publisiti dan pemasaran walaupun semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memastikan PBIM menjadi acara berprestij bukan sahaja dalam negara malah luar negara," katanya.

Pada penganjuran PBIM 2022, peserta dari Kenya mengungguli acara maraton penuh kategori lelaki dan wanita terbuka serta kategori veteran lelaki dan wanita terbuka.

# Bekal makanan berkualiti, resipi rahsia

# MAMU RASHEED



ABDUL Rasheed Mohamed Ali.

PEMERGIAN anak yang menjadi harapan keluarga akibat kemalangan jalan raya tidak mematahkan semangat **ABDUL RASHEED MOHAMED ALI**, 54, untuk meneruskan perniagaan katering yang diusahakan beliau sejak tujuh tahun lalu.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, beliau yang lebih mesra disapa sebagai 'Mamu Rasheed' berkata, cuma impian untuk melebarkan perniagaan di Kuala Lumpur terpaksa dilupakan selepas pemergian anak lelakinya itu.

"Tidak dinafikan selepas mendapat perkhabaran bahawa anak saya sudah tidak ada akibat kemalangan tersebut… saya pada mulanya berasa sudah tidak berminat untuk meneruskan perniagaan ini.

"Ini kerana tujuan saya mulakan perniagaan ini adalah untuk diwarisi kepada anak lelaki saya kerana dia menunjukkan minat yang begitu mendalam terhadap perniagaan.

"Setiap kali saya mendapat tempahan daripada pelanggan, dia pasti akan ikut sekali… malah, ada ketikanya saya serahkan 100 peratus kepada dia untuk jalankan perniagaan ini.

"Boleh dikatakan bahawa dia sudah dapat membiasakan diri untuk menjalankan perniagaan ini walaupun tanpa kehadiran saya," katanya ketika wawancara khas bersama-sama wartawan, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** baru-baru ini.

## Meneruskan perniagaan

Namun begitu menurut Mamu Rasheed, selepas dinasihati oleh ahli keluarga dan mengambil kira tempahan yang diterima daripada pengguna yang semakin banyak, akhirnya beliau mengambil keputusan untuk meneruskan semula perniagaan tersebut.

"Selepas dua minggu sejak ketiadaan anak lelaki kesayangan saya itu, barulah saya ada kekuatan untuk memulakan semula perniagaan ini.



MENU kambing golek antara yang mendapat permintaan tinggi.

"Tambahan pula, permintaan daripada pelanggan semakin banyak jadi saya tidak sampai hati untuk menolak permintaan mereka," katanya.

Ditanya mengenai faktor perniagaannya yang kini semakin laris, Mamu Rasheed berkata beliau sering menitikberatkan kualiti semasa menyediakan juadah yang ditempah oleh pelanggan.

"Menu kambing golek contohnya… ada sesetengah peniaga menyediakan kambing golek yang dimasak kurang sempurna sama ada daging menjadi keras kerana dimasak terlalu awal atau tidak masak dengan sempurna.

"Syukur Alhamdulillah… setakat ini maklum balas yang diterima daripada pelanggan mengenai menu kambing golek yang kami sediakan sangat memuaskan kerana dimasak dengan baik dan dagingnya yang begitu lembut.

"Selain itu, sos untuk perapan dan pencicah bagi menu kambing golek juga dihasilkan sendiri menggunakan resipi rahsia keluarga.

"Inilah yang menyebabkan kebanyakan pelanggan memilih untuk menempah semula dan mecadangkan perniagaan kami kepada kawan-kawan mereka sekiranya ada sebarang majlis," ujarnya.

## Menyediakan pelbagai menu

Mamu Rasheed berkata, selain kambing golek, beliau juga menyediakan pelbagai menu lain seperti laksa, cendol, char kuetiaw, tosai, sate, mi goreng mamak, popia basah dan banyak lagi.

"Memang menu paling popular adalah kambing golek tetapi terdapat juga menu lain yang diminta oleh pelanggan dan kami akan sediakan mengikut pakej dimahukan oleh mereka.

"Harga yang dikenakan juga adalah berpatutan dan mengikut kemampuan pelanggan," jelasnya sambil menambah bahawa perniagaan Mamu Rasheed juga pernah terlibat dengan majlis-majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ditanya mengenai perancangan masa depan, Mamu Rasheed berkata bahawa beliau berhasrat untuk mempelbagaikan lagi menu demi kepuasan pelanggan.

Bagi yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan daripada Mamu Rasheed bagi pelbagai majlis boleh hubungi *Al-Rasheed Special (Hawkers)* di talian 017-566 1371.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Atlet karate Pulau Pinang sasar lebih banyak kejayaan

**PULAU PINANG** senantiasa menjadi perhatian khalayak terutama dalam acara karate Kategori Kata Lelaki dan Wanita.

Semasa Sukan Malaysia (SUKMA) yang berlangsung pada bulan September 2022, Pulau Pinang berjaya mengekalkan momentum kemenangan.

**YONG KOJIRO IRO**, 21, menyumbang pingat emas dalam Kategori Kata Individu Lelaki dengan mengutip 25.14 mata mengatasi pencabar dari negeri Pahang, Abdul Rahim Shah Zulfaqqar dengan 24.96 mata.

Begitu juga **LIM HUI LING**, 19, yang merangkul pingat emas menerusi acara Kata Individu Wanita.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan **DARWINA MOHD. DAUD** berpeluang menemu bual kedua-dua atlet negeri Pulau Pinang berkenaan di pusat latihan mereka dekat Jalan Transfer, George Town.

“Ketabahan dan disiplin merupakan kunci kepada pencapaian, kerana kami senantiasa dilatih serius semasa sesi latihan

“Di samping itu, tidak dilupakan juga adalah dorongan daripada jurulatih kami (Lim Lee Lee dan Ku Jin Keat) yang memainkan peranan penting di sebalik kejayaan kami berdua.

“Jurulatih kami bukan sahaja memberi dorongan serta tunjuk ajar kepada kami semasa sesi latihan, malah mereka turut memberi motivasi dari semasa ke semasa untuk kami tidak senantiasa rasa selesa dengan pencapaian (kejayaan) yang telah dicapai sebaliknya perlu terus berusaha gigih lagi.

“Jurulatih kami (Lim Lee Lee) senantiasa mengasah bakat kami serta mengembangkan potensi kami sebelum menempuhi satu-satu kejohanan,” jelas Yong Kojiro secara sederhana.

Nada hampir serupa turut dikongsi oleh Hui Ling.

Mengikuti latihan karate sejak berusia 13 tahun, beliau mengakui bahawa dirinya begitu ghairah terhadap acara sukan tersebut.

Pun begitu, Hui Ling menyatakan bahawa tanggungjawab sebagai penuntut jurusan perniagaan antarabangsa di Kolej Tun Abdul Razak (TAR) tidak pernah diabaikan.

“Saya belajar untuk menyesuaikan diri antara keghairahan saya dalam (acara sukan) karate ini dan juga sebagai pelajar di Kolej TAR.

“Secara umum, saya berlatih kira-kira lima hingga enam kali seminggu, bersama atlet yang lain juga," ujarnya.

Bersetuju dengan pendapat Hui Ling itu, Yong Kojiro memberitahu bahawa sebagai atlet karate negeri, beliau senantiasa memastikan ada keazaman dan dedikasi tinggi bagi memburu kejayaan dalam setiap kejohanan yang mereka sertai.

“Menghadiri latihan tetap adalah satu kemestian, lebih-lebih lagi apabila kejohanan semakin hampir.

Sehubungan itu, tambah Yong Kojiro, pihaknya berharap untuk terus memberikan kejayaan pada tahun hadapan.

“Tanpa kemahuan untuk berjaya, kami tidak akan berdiri di atas podium,” ulasnya lanjut.

Selain itu, beliau turut berkongsi pengalaman mencabar berlatih secara dalam talian sahaja, semasa pandemik COVID-19 kira-kira dua tahun lepas.

“(Sesi latihan secara dalam talian ini) ia bukan mudah, tetapi kami masih berjaya melakukannya dan membuktikan bahawa apabila kita komited untuk berlatih, memang boleh mengatasi banyak halangan.

“Semasa (pandemik COVID-19), kata-kata semangat daripada rakan sepasukan serta jurulatih banyak membantu,” jelasnya sambil memberitahu bahawa beliau mula belajar karate seawal usia enam tahun.

Buletin Mutiara difahamkan, Yong Kujiro pernah memenangi pingat gangsa bagi acara berpasukan dalam Kejohanan Karate Remaja Dunia 2017 di Sepanyol.

Tanpa menoleh ke belakang lagi, Yong Kujiro dan Hui Ling berkata bahawa mereka berharap dapat menempa lebih banyak kejayaan dalam kejohanan yang disertai pada tahun 2023.

Lee Lee yang ditemuramah kemudian pula menyatakan bahawa beliau bangga dengan pencapaian luar biasa kedua-dua atlet di bawah bimbingannya itu.

“Saya telah menyaksikan perkembangan mereka dari hari pertama latihan hingga sekarang.

“Kerana mereka berdisiplin, mereka berusaha untuk mencapai lebih banyak kegemilangan.

“Malah, kredit juga diberikan kepada ibu bapa mereka kerana memberi sokongan kepada mereka selama ini.

“Sehubungan itu, para ibu bapa di luar sana adalah dialu-alukan untuk membawa anak-anak belajar tentang karate sebagai pelindung diri serta salah satu bentuk senaman.

“Seperti di luar negara, orang tua dan berumur juga mula belajar karate sebagai gaya hidup sihat, ertinya kalau tidak memasuki kelas karate semasa seawal usia enam atau tujuh tahun, masih boleh sertai latihan itu untuk tujuan sihatkan badan.

“Mereka boleh mendapat banyak manfaat daripadanya (latihan karate),” ujarnya.

Bagi maklumat lanjut, hubungi Lee Lee di talian 012-4931860.

Sukan MALAYSIA XX MSN 2022 #DemiMalaysia

**WAWANCARA KHAS**



**LIM Lee Lee.**



**YONG Kojiro Iro (tengah) bersama-sama rakan sepasukan menunjukkan pingat yang dimenangi pada kejohanan SUKMA.**



**LIM Hui Ling (tengah) pada sesi latihan bersama-sama rakan sepasukan.**



**PASUKAN karate negeri.**



MALAYSIA TECHLYMPICS 2022
Wawancara Khas

# Malaysia
# Pelajar HSBM

SAINGAN akhir *Malaysia Techlympics* 2022 yang dianjurkan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Majlis Sukan Negara (MSN) dekat Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 26 dan 27 November 2022 sudah melabuhkan tirai baru-baru ini.

Daripada keseluruhan kategori acara yang dipertandingkan, kontinjen Pulau Pinang berjaya membolot tujuh pingat emas, perak (tujuh) dan gangsa (dua).

Daripada tujuh pingat tersebut pula, lima medal disumbangkan oleh murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Bukit Mertajam (HSBM).

Mereka, **N. DARSHAN**, 13, dan **TAN LEE YU**, 15, menjadi johan bagi Kategori Math Whiz masing-masing, serta membawa pulang pingat emas.

Manakala, dua pingat perak diraih oleh **TAN YUAN GUAN**, 13, dan **ESTER TAN CHIN FEI**, 14.

Baki satu pingat perak lagi dimenangi oleh **KHON KAI ERN**, 13.

Pada 30 November 2022, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** (jurugambar) membuat tinjauan lanjut berhubung pencapaian tersebut di sekolah berkenaan.



NUR Nadhifah Ramli.

**NUR NADHIFAH RAMLI** memberitahu bahawa pada 14 Julai 2022, beliau sebagai Guru Kelab STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) telah mendaftarkan 1,098 pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4 HSBM bagi 'membuka peluang' penyertaan pertandingan tersebut yang dilangsungkan secara digital.

"Pendaftaran ini adalah untuk mendapatkan ID (kata nama) dan kata laluan akses masuk ke portal pertandingan.

"Semua pelajar dari seluruh negara akan menyertai pertandingan berkaitan untuk merebut kedudukan 50 terbaik - (sebelum layak) ke saingan seterusnya (bagi merebut kedudukan 20 terbaik) pada peringkat kebangsaan.

"Dan, dalam saingan akhir, HSBM berjaya membawa 14 pelajar berkenaan bagi menyahut cabaran dalam *Malaysia Techlympics 2022*," jelasnya yang juga merupakan Cikgu Cemerlang Sains.

Cikgu Nur Nadhifah juga merupakan peserta Program Duta Guru Kohort 3 yang dianjurkan oleh Yayasan Petronas, Pusat STEM Negara dan *Teach for Malaysia*.



HANI Shafriza Hanapiah.

Dalam wawancara berasingan, Penolong Kanan Kokurikulum, **CIKGU HANI SHAFRIZA HANAPIAH** memberitahu bahawa pihak pentadbiran sekolah senantiasa memberi galakan kepada guru-guru serta murid-murid demi meningkatkan tahap keyakinan diri di dalam kelas dan luar kelas.

"Untuk Kelab STEM khususnya, ada pelbagai aktiviti (yang mana) semua guru Sains dan Matematik termasuk Cikgu Nur Nadhifah akan membantu para pelajar meningkatkan pencapaian akademik serta keyakinan diri (melalui pertandingan seumpama *Malaysia Techlympics 2022*).

"Pihak sekolah ingin menzahirkan rasa syukur atas pencapaian ini, seterusnya kami (peringkat guru-guru) berasa bangga kerana berjaya menjulang nama HSBM khususnya dan nama negeri Pulau Pinang secara umumnya.

"Dengan kejayaan meraih lima pingat dalam *Malaysia Techlympics 2022* ini, insya-Allah pada tahun-tahun akan datang kita dapat membuka sekali lagi peluang kepada semua pelajar untuk meraih kemenangan dalam pertandingan peringkat kebangsaan," ujarnya.

Pada 25 November 2022, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam suatu kenyataan media kepada pemberita antara lain memberitahu bahawa pentadbirannya berharap seramai 400 peserta dari negeri Pulau Pinang yang berpeluang menyertai saingan akhir *Malaysia Techlympics 2022* sekurang-kurangnya dapat membina keyakinan dalam diri masing-masing.




BARISAN pemenang dari HSBM.



R.C. Visalatshe.



# Techlympics 2022 bolot lima pingat







N. Darshan.




TAN Lee Yu.

PARA pemenang meraikan kejayaan selepas Pulau Pinang dinobatkan sebagai kontinjen terbaik dalam kejohanan *Malaysia Techlympics 2022* baru-baru ini.




Kon Yeow menyampaikan harapan itu termasuk kepada kira-kira 70 pelajar dan guru pengiring yang menghadapi masalah pengangkutan untuk ke ibu negara. Mengetahui dilema tersebut, Kon Yeow telah mengambil inisiatif khas dengan menyumbangkan peruntukan bagi tujuan berkenaan.

Sebagaimana dihasratkan pentadbiran Kon Yeow, Darshan memberitahu Buletin Mutiara bahawa *Malaysia Techlympics 2022* sedikit sebanyak memang membina keyakinan dalam diri walaupun beliau menyahut cabaran sehingga saingan akhir secara dalam talian sahaja.

"Pengalaman yang besar dan menarik...saya berasa begitu riang dengan peluang (sebagai peserta saingan akhir *Malaysia Techlympics 2022*).

"Sebenarnya, ini kali pertama saya menyertai pertandingan *(Malaysia Techlympics 2022)* tersebut.

"Selain berasa bangga kerana tersenarai sebagai peserta akhir (saingan peringkat kebangsaan), pertandingan ini sudah tentu menjana keyakinan dalam diri ini," ulasnya.

Nada hampir serupa turut dikongsikan oleh pemenang pingat emas bagi kategori Tingkatan 3, Lee Yu.

"Terima kasih kepada para guru yang begitu banyak memberi motivasi dan latihan bagi meningkatkan keyakinan diri sebelum masuk ke peringkat saingan akhir inilah.

"Saingan peringkat sekolah adalah selama satu jam (60 minit) tetapi masa itu semakin singkat dan pendek apabila ke peringkan zon serta peringkat kebangsaan...ini cabarannya.

"Cabaran lain, sudah tentu dari segi soalan yang kian mencabar (semasa saingan akhir)," katanya.

**R. C. VISALATSHE**, 16, turut berkongsi rasa bangga berada pada kedudukan ke-14 terbaik bagi Kategori Acara Tingkatan 4 yang disertainya.

"*(Malaysia Techlympics 2022)* ini merupakan kali pertama saya menyertai pertandingan peringkat kebangsaan.

"Ini adalah peluang terbaik untuk diri saya sendiri bagi melonjak kemampuan dan keyakinan dalam diri ini.

"Di samping itu, saya juga berasa begitu riang dan bangga selepas mendapat peluang untuk duduk dalam saingan akhir...banyak perkara yang saya masih belajar menerusi *(Malaysia Techlympics 2022)* ini," ulasnya sambil merakamkan penghargaan kepada sekalian guru yang membuka 'peluang' penyertaan tersebut secara terbuka pada peringkat sekolah sebelum ini.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.26 PADANG KOTA<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| N.03 PINANG TUNGGAL<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| N.16 PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| N.07 SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| N.12 PENANTI<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| N.15 PADANG LALANG<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| N.29 DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| N.37 BATU MAUNG<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| N.08 BAGAN JERMAL<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| N.22 TANJONG BUNGA<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| N.34 PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| N.28 KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| N.06 TELOK AYER TAWAR<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| N.09 BAGAN DALAM<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| N.11 PERMATANG PASIR<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| N.13 BERAPIT<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| N.14 MACHANG BUBOK<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| N.17 BUKIT TENGAH<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| N.18 BUKIT TAMBUN<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| N.19 JAWI<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| N.20 SUNGAI BAKAP<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| N.23 AIR PUTIH<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| N.24 KEBUN BUNGA<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| N.25 PULAU TIKUS<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikuskadun@gmail.com | (T) 04 - 228 5298<br>016 - 691 2548<br>016 - 415 2548 |
| N.27 PENGKALAN KOTA<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| N.30 SUNGAI PINANG<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| N.31 BATU LANCANG<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| N.32 SERI DELIMA<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| N.33 AIR ITAM<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| N.35 BATU UBAN<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| N.36 PANTAI JEREJAK<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.38 BAYAN LEPAS<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| N.39 PULAU BETONG<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| PENANG CARE SOCIETY | (Hotline)<br>(T) 04 - 291 0123<br>04 - 642 7777 |
| DAP PENANG HQ<br>dappenang@dapmalaysia.org | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| PKR PENANG HQ | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.01 PENAGA<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| N.02 BERTAM<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| N.04 PERMATANG BERANGAN<br>YB Nor Hafizah Othman | |
| N.05 SUNGAI DUA<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| N.10 SEBERANG JAYA<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 548 4541<br>(F) 04 - 548 4541 |
| N.21 SUNGAI ACHEH<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| N.40 TELUK BAHANG<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **PEGAWAI PENYELARAS KADUN** | **No Tel/ No Faks** |
| N.01 PENAGA<br>Aida Yusof Rawa<br>aidarawa54@yahoo.com | (T) 019 - 338 2668 |
| N.04 PERMATANG BERANGAN<br>Mohd. Taupek Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |
| N.05 SUNGAI DUA<br>Muhammad Fitri Termizi<br>fitritermizi@amanah.org.my | (T) 011 - 3112 7702 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| PBA (PUSAT PANGGILAN 24 JAM) | 04-255 8255 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
